

**PENGHASILAN DAN PENILAIAN CD MODUL PEMBELAJARAN
KENDIRI (MPK) SISTEM CATATAN BERGU UNTUK MATA PELAJARAN
PERAKAUNAN AWALAN (P 1105) DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

MUHAMMAD RAFIE BIN HAMZAH

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

Teristimewa Buat Mak Dan Ayah Tercinta,

“Terima Kasih Di Atas Segalanya....

Segala Pengorbanan Ayahanda Dan Bonda Tiada Tandingannya...

Semoga Kita Sama-sama Beroleh Kemenangan DaripadaNya....”

Buat Adik-adik Tercinta,

“Semoga Mendapat Kejayaan Di Dunia Dan Lebih-lebih Lagi Kejayaan Di Akhirat”

Tidak Lupa Juga Buat Sahabat-sahabat Seperjuangan.....

Norman, Azmi, Nizan, Faizal, Hafiz, Ajrul, Rini, Yatie, Lin, Anoi, Miss

Serta Rakan-rakan

ABSTRAK

Perbezaan individu dan interaksi yang kurang aktif antara pelajar dengan pensyarah dikenalpasti sebagai antara masalah yang wujud dalam sesuatu proses pembelajaran. Penggunaan modul pembelajaran sendiri pula terbukti mampu untuk mengatasi masalah tersebut melalui pengindividuan proses pembelajaran dan kemudahan interaktiviti yang terdapat dalam sesuatu modul pembelajaran. Oleh itu, kajian berbentuk eksperimental dan berasaskan pembangunan produk ini bertujuan untuk membangunkan satu cakera padat (CD-ROM) modul pembelajaran sendiri (CD MPK). Kemudian produk yang dibangunkan diuji kebolehlaksanaannya dari aspek format/antaramuka, isi kandungan, sifat mesra pengguna, animasi/multimedia dan aktiviti pembelajaran. Pengujian produk turut meliputi aspek motivasi dan kesan terhadap pencapaian pelajar setelah menggunakannya. Produk yang dibangunkan ialah CD Modul Pembelajaran Kendiri (CD MPK) Sistem Catatan Bergu yang telah diuji ke atas reponden kajian yang terdiri daripada 44 orang pelajar semester satu Diploma Akauntansi di Politeknik Seberang Perai. Pengumpulan data diperolehi melalui instrumen kajian borang soal selidik dan set soalan ujian pra serta ujian pos. Kesemua data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan '*Statistical Packages for Social Sciences*' (SPSS) Versi 11.5 yang melibatkan skor min dan ujian T prosedur *Paired Samples T Test*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa produk yang dihasilkan mempunyai kebolehlaksanaan yang memuaskan dan berupaya meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar. Analisis Ujian T mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra dengan ujian pos.

ABSTRACT

The differences amongs students and inactive interaction between students and lecturers during learning session are identified as problems to learning process. However, the usage of self learning module in learning process have been approved to overcome the problems through individualize learning and interactivity element offered by the module itself. So, the purpose of this experimental and product bases study is to develop a compact disc (CD-ROM) of self learning module. Then the product (the CD) will be tested to evaluate its ability from the aspects of format/user inter face, contents, user friendly, animation/multimedia and learning activity. The testing of the product is also covered the aspects of student's motivation and their performance after finishing using the product. The product which was developed through this study is known Compact Disc Self Learning Module 'Sistem Catatan Bergu'. It has been used and evaluated by the respondent of this study which consist of 44 semester one students from the course of Accountancy Diploma at Polytechnic Seberang Perai. The questionnaires and the set of pre and post test are the instrument which is used to collect the data. The collected data was then analysed by *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Version 11.5 which is included min score and *t* test – paired samples *t* test. The result of the study showed that the respondents are satisfied with the product especially from the five aspects which are evaluated through this study. Besides that, the *t* test analysis also showed that there is significant differences between min score of pre test and min score post test.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PERAKUAN PENULIS	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB I	Pengenalan	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	9

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	1.7	Kepentingan Kajian 10
	1.8	Kerangka Teori 10
	1.9	Skop Kajian 12
	1.10	Definisi Istilah 13
	1.11	Penutup 14
BAB II	SOROTAN PENULISAN	15
	2.0	Pendahuluan 15
	2.1	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran 16
	2.2	Teknologi Dalam Pendidikan 18
	2.2.1	Penggunaan CD-ROM Dalam Pendidikan 20
	2.3	Modul Pembelajaran Kendiri 21
	2.4	Ciri-ciri Pengajaran Dan Pembelajaran Bermodul 23
	2.5	Strategi Pembelajaran Berpusatkan Bahan 24
	2.6	Pembelajaran Individu 26
	2.6.1	Pembelajaran Masteri (Mastery Learning) 27
	2.6.2	Pembelajaran Arah Kendiri 29
	2.7	Perlaksanaan Pengajaran Bermodul 29
	2.8	Kelebihan Menggunakan Modul Sebagai Bahan Pengajaran 30
	2.9	Model-model Penghasilan Bahan Pengajaran 31
	2.10	Sistem Catatan Bergu Dalam Perakaunan 34
	2.10	Penutup 35



PUSAT PERPUSTAKAAN FAKULTAS KULTUM AMINAH

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	36
3.0	Pendahuluan	36
3.1	Reka Bentuk Kajian	37
3.2	Prosedur Kajian	38
3.3	Responden Dan Sumber Data	40
3.3.1	Responden	40
3.3.2	Sumber Data	41
3.4	Instrumen Kajian	42
3.4.1	CD MPK Sistem Catatan Bergu	42
3.4.2	Borang Soal Selidik	43
3.4.3	Set Soalan Ujian Sebelum dan Ujian Selepas	44
3.5	Kajian Rintis	45
3.5.1	Prosedur Kajian Rintis	46
3.5.2	Kesahan Isi MPK	48
3.6	Analisis Data	48
3.6.1	Analisis Data Daripada Set Soalan Ujian Sebelum Dan Ujian Selepas	49
3.6.2	Analisa Data Daripada Borang Soal Selidik	50
3.7	Limitasi Kajian	51
3.8	Andaian Kajian	51
3.9	Tempoh Kajian	52
3.10	Penutup	52

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB IV	REKABENTUK PRODUK	53
4.0	Pendahuluan	53
4.1	Latarbelakang Teori Penghasilan CD MPK	53
4.2	Matlamat Penghasilan Modul	54
4.3	Objektif Penghasilan CD Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)	55
4.4	Reka Bentuk CD MPK Sistem Catatan Bergu	56
4.4.1	Paparan Skrin-skrin Utama Produk	58
4.4.2	Spesifikasi Produk	62
4.4.3	Tatacara Penggunaan Produk	63
4.4.4	Peralatan Bagi Penggunaan Produk	63
4.5	Jadual Kerja Penghasilan Produk	65
4.6	Kronologi Pembinaan Produk	65
4.7	Kelebihan Produk	67
4.8	Batasan Produk	68
4.9	Permasalahan Dalam Menghasilkan Produk	68
4.10	Bahan Dan Kos Yang Dilibatkan	69
4.11	Penutup	70
BAB V	ANALISIS DATA	71
5.0	Pendahuluan	71
5.1	Analisis Data Ke Atas Instrumen Kajian Borang Soal Selidik	72

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
5.1.1	Analisis Maklumat Latar	
	Belakang Responden	73
5.1.1.1	Jantina	73
5.1.1.2	Keturunan	74
5.1.1.3	Umur	75
5.1.1.4	Kelayakan Masuk Ke Politeknik	76
5.1.1.5	Pengambilan Matapelajaran Prinsip Akaun Di Peringkat SPM	76
5.1.2	Analisis Kebolehlaksanaan CD MPK	77
5.1.2.1	Aspek Format/Antaramuka	78
5.1.2.2	Aspek Isi Kandungan	81
5.1.2.3	Aspek Sifat Mesra Pengguna	84
5.1.2.4	Aspek Animasi Dan Multimedia	87
5.1.2.5	Aspek Aktiviti Pembelajaran	90
5.1.3	Analisis Motivasi Pelajar	93
5.2	Analisis Data Ke Atas Instrumen Set Soalan Ujian Pra Dan Ujian Pos	97
5.2.1	Analisis Ujian T	97
5.2.2	Analisis Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pos	99
5.3	Rumusan	102
BAB VI	KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP	103
6.0	Pendahuluan	103
6.1	Perbincangan Dapatan Kajian	104
6.1.1	Persoalan Pertama Kajian	104
6.1.2	Persoalan Kedua Kajian	108

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	6.1.3 Persoalan Ketiga Kajian	109
	6.1.4 Kerendahan Nilai Pekali Kebolehpercayaan Set Ujian	110
6.2	Kesimpulan	111
6.3	Cadangan	112
6.4	Penutup	115

RUJUKAN

118



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Komponen Model ADDIE	32
3.1	Taburan Item Soal Selidik (BAHAGIAN B)	44
3.2	Langkah-langkah Pengkaji Menjalankan Kajian Rintis	47
3.3	Tafsiran Skor Min	50
4.1	Jadual Kerja Penghasilan Produk	65
4.2	Kos Penghasilan Produk	69
5.1	Tafsiran Skor Min	72
5.2	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Jantina	73
5.3	Bilangan Responden Mengikut Keturunan	74
5.4	Bilangan Responden Mengikut Keturunan	75
5.5	Bilangan Responden Mengikut Kelayakan	76
5.6	Bilangan Responden Yang Tidak Dan Mengambil Subjek Prinsip Akaun	77
5.7	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Isi Kandungan	79
5.8	Tafsiran Min Bagi Item 1 Hingga 5	80
5.9	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Isi Kandungan	81
5.10	Tafsiran Min Bagi Item 6 Hingga 10	83
5.11	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Mesra Pengguna	84
5.12	Tafsiran Min Bagi Item 11 Hingga 16	86
5.13	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Animasi Dan Multimedia	87
5.14	Tafsiran Min Bagi Item 17 Hingga 21	89

5.15	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Aktiviti Pembelajaran	90
5.16	Tafsiran Min Bagi Item 22 Hingga 25	92
5.17	Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Motivasi	94
5.18	Tafsiran Min Bagi Item 26 Hingga 30	96
5.19	Keputusan Analisis Paired-Samples T Test	98
5.20	Hasil Analisis Deskriptif Ujian Pra Dan Ujian Pos	99
5.21	Taburan Kekerapan Skor Ujian Pra	100
5.22	Taburan Kekerapan Skor Ujian Pos	101



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	11
2.1	Model Pengajaran Asas	17
2.2	Pembelajaran Masteri	28
2.3	Fasa-fasa Dalam Model ADDIE	33
3.1	Perlaksanaan Ujian Pra Dan Ujian Pos	38
3.2	Kerangka Operasi Untuk Prosedur Kajian	39
3.3	Pembahagian Skor Skala Likert	43
4.1	Paparan Skrin Halaman Depan Modul	58
4.2	Paparan Skrin Menu Utama	59
4.3	Paparan Skrin Halaman Utama Unit Pembelajaran	60
4.4	Paparan Skrin Halaman Utama Bahagian Soalan Penilaian Kendiri	61
4.5	Prosedur Penggunaan Produk	64
4.6	Kronologi Pembinaan Produk	66
5.1	Peratusan Pecahan Responden Lelaki Dan Perempuan	74
5.2	Carta Bar Skor Min Bagi Item 1 Hingga 5	79
5.3	Carta Bar Skor Min Bagi Item 6 Hingga 10	82
5.4	Carta Bar Skor Min Bagi Item 11 Hingga 16	85
5.5	Carta Bar Skor Min Bagi Item 17 Hingga 21	88
5.6	Carta Bar Skor Min Bagi Item 22 Hingga 25	91
5.7	Carta Bar Skor Min Bagi Item 26 Hingga 30	94

SENARAI SINGKATAN

CD	:	<i>Compact Disc</i> (Cakera Padat)
CD MPK	:	Cakera Padat Modul Pembelajaran Kendiri
MPK	:	Modul Pembelajaran Kendiri
SPSS	:	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Sukatan Pelajaran Perakaunan Awalan (P1105)	122
B	Borang Soal Selidik	125
C	Set Soalan Ujian Pra	130
D	Set Soalan Ujian Pos	135
E	Analisis SPSS Kajian Rintis	140
F	Surat Kebenaran Jalankan Kajian	142
G	Pengesahan Pakar I	143
H	Pengesahan Pakar II	144
I	Keputusan Analisis SPSS	145

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dewasa ini, globalisasi dan kemajuan pesat dalam perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memberi impak yang besar terhadap dunia pendidikan. Perkembangan ini sekaligus menyaksikan perlunya proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) konvensional yang biasanya bertunjangkan kepada penggunaan media bercetak disesuaikan semula selari dengan kemajuan teknologi pada hari ini supaya proses P&P yang dijalankan dapat mencapai matlamatnya. Lantaran itu, proses P&P telah mengalami perubahan yang pesat dan tidak lagi terikat secara fizikal seperti pengajaran di bilik darjah atau pun di bilik kuliah sahaja. Sebaliknya, penggunaan komputer dan perisian-perisian tertentu yang dapat membantu proses pembelajaran telah mula mendapat tempat di kalangan institusi pendidikan di negara kita.

Bagi mencapai maksud tersebut, beberapa pendekatan baru cuba diperkenalkan dalam usaha untuk menjadikan proses P&P yang lebih menarik, bermakna dan

menyeronokkan dapat diketengahkan. Untuk itu, penggunaan komputer sebagai alat bantu pengajaran merupakan sesuatu yang perlu diberi keutamaan. Ini kerana dengan menggunakan cakera padat (CD) atau perisian khusus mengikut mata pelajaran berupaya menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan pelajar kerana mereka boleh berinteraksi dengan komputer yang mana mempunyai skrin berwarna, gambar yang menarik dan turut mengeluarkan bunyi atau pun lagu (Berita Harian, 24 Januari 2001). Ini sudah tentu dapat mengelakkan kebosanan pelajar yang biasanya hanya menyalin nota dan mendengar percakapan atau syarahan pensyarah.

Menurut Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan yang berlaku terhadap persekitaran kerana apa sahaja perubahan yang berlaku akan memberikan kesan terhadap pendidikan. Perkembangan terbaru dalam dunia pendidikan semasa ialah “e-pembelajaran” atau “e-learning”. Menurut Samat Buang (2002), e-pembelajaran ialah sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik untuk penyampaian isi kandungan, interaksi atau pun pemudahcaraan. Selain itu, penggunaan internet, intranet, satelit, pita audio atau video, TV interaktif dan CD-ROM adalah sebahagian daripada media elektronik yang dimaksudkan dalam kategori ini. Malah, bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui media ini mempunyai teks, grafik, animasi, simulasi, audio, dan video di samping menyediakan kemudahan untuk perbincangan berkumpulan. Secara rasionalnya, elemen-elemen yang wujud dalam e-pembelajaran ini sudah pasti akan menjadikan proses P&P lebih menarik dan berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif. Ini secara tidak langsung akan membantu dan meningkatkan lagi minat pelajar untuk memberi tumpuan terhadap pengajaran pensyarah.

Sebenarnya konsep e-pembelajaran sudah mula diusahakan secara komersil apabila terdapat pihak swasta yang terlibat secara langsung dalam memasarkan pelbagai produk pembelajaran berbentuk CD-ROM (Dewan Masyarakat, Jun 2002). Malah

kehadiran bahan-bahan pembelajaran dalam bentuk cakera padat (CD) ini pula mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengguna yang mempunyai kemudahan komputer peribadi. Umum sedia maklum tentang kelebihan penggunaan bahan bantu pengajaran ini yang dapat membantu pelajar untuk memahami dengan lebih lanjut isi pelajaran sesuatu mata pelajaran yang mereka pelajari. Oleh itu, tidak hairanlah jika produk pembelajaran berbentuk CD-ROM telah mula mendapat perhatian di kalangan pelajar-pelajar kita. Selain itu, penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) juga merupakan alternatif kepada pelajar untuk memahami isi pelajaran dengan lebih mendalam. Malah untuk menjadikan MPK yang dibangunkan lebih realistik dan interaktif, ianya boleh dibangunkan dalam bentuk CD-ROM yang berupaya untuk memaparkan isi pembelajaran dalam bentuk yang menarik.

Oleh itu, kajian ini akan menumpukan terhadap usaha-usaha untuk membangunkan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Sistem Catatan Bergu bagi mata pelajaran Perakaunan Awalan (P 1105) di Politeknik Seberang Perai sebagai usaha untuk memudahkan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi memahami kandungan mata pelajaran ini dengan lebih mendalam. Menurut Shaharom Nordin dan Yap Kueh Chin (1992), memandangkan teknologi maklumat sedang pesat berkembang di negara kita, modul juga boleh dihasilkan dalam bentuk perisian komputer. Justeru itu, modul yang akan dibangunkan di bawah kajian ini akan didokumentasikan dalam bentuk cakera padat (CD) bagi memanfaatkan kemajuan yang telah dicapai dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ianya dirancang sebegitu rupa supaya para pelajar senang untuk membawa modul tersebut ke mana-mana dan lebih mudah untuk dijaga.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perakaunan Awalan (P 1105) merupakan salah satu mata pelajaran teras yang perlu diambil oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Diploma Akauntansi di politeknik. Mata pelajaran ini diajar kepada pelajar-pelajar semester satu yang mengikuti kursus ini. Ianya bertujuan untuk memberikan asas dan konsep-konsep penting berkenaan perakaunan sebelum mengikuti kursus ini dengan lebih lanjut yang memerlukan pemahaman yang kukuh di peringkat asas lagi. Sebagaimana mata pelajaran lain, mata pelajaran yang berasaskan kepada perakaunan turut mempunyai masalahnya yang tersendiri. Menurut Zaidatul Akmaliah dan Habibah Elias (1990), antara masalah yang biasanya dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perakaunan ialah:

- i) Ia memerlukan kepada kekuatan dan asas yang kukuh tentang prinsip-prinsip dan asas perakaunan.
- ii) Wujudnya perbezaan tahap kebolehan di kalangan pelajar.

Oleh itu, beliau mencadangkan agar proses pengajaran mata pelajaran perakaunan hendaklah daripada yang senang kepada susah iaitu dari yang diketahui kepada apa yang tidak diketahui. Bagi maksud itu, penggunaan modul pengajaran amat sesuai untuk dipraktikkan supaya pelajar boleh mengikuti kandungan mata pelajaran dengan baik.

Selain itu, pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam kursus Diploma Akauntansi mempunyai latar belakang yang berbeza dalam pelbagai aspek. Namun apa yang menjadi masalahnya ialah perbezaan dari segi latar belakang pendidikan semasa di sekolah menengah. Bagi mereka yang pernah mengikuti aliran perdagangan dan telah pun didedahkan dengan lebih awal mengenai perakaunan mungkin tidak menghadapi

banyak masalah. Bagi pelajar-pelajar yang tidak mendapat pendedahan awal pula perlulah diberi perhatian yang lebih agar dapat mengikuti pelajaran dengan lancar. Oleh itu, satu bahan pengajaran yang benar-benar berkesan perlulah dibina bagi membantu pembelajaran pelajar-pelajar tersebut untuk memahami perakaunan dengan lebih lanjut.

Dalam proses pengajaran, pensyarah seharusnya sedar akan wujudnya perbezaan individu di kalangan pelajar mereka. Malah perbezaan di kalangan pelajar merupakan satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Menurut Zaidatul Akmaliah dan Habibah Elias (2000), terdapat tiga faktor yang perlu di pertimbangkan berkaitan dengan perbezaan individu iaitu:

- 1) Individu berbeza dari segi fizikal, minat, kebolehan, kecenderungan, pengalaman, latar belakang keluarga, sikap dan matlamat.
- 2) Individu belajar mengikut cara sendiri dan kadar kepantasan sendiri. Mereka berbeza dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan juga darjah kecekapan yang dicapai.
- 3) Pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh minat, pengalaman lalu dan matlamat masa depan.

Dalam situasi di mana wujudnya perbezaan individu, terutamanya dari segi kebolehan intelek, maka tidak mungkin bagi seseorang pensyarah untuk hanya bergantung kepada satu bahan pengajaran sahaja atau kaedah mengajar kumpulan pelajar yang besar. Situasi ini dikhuatiri akan menimbulkan ketidakselesaian di kalangan pelajar dan pensyarah itu sendiri. Oleh itu, masalah perbezaan individu ini perlulah diselesaikan secara bijaksana dan efektif.

Salah satu alternatif penyelesaian terhadap kesemua permasalahan ini ialah dengan mengindividukan pengajaran melalui penggunaan modul pengajaran sendiri.

Melalui pengajaran individu, para pelajar akan dapat berusaha menyesuaikan proses pembelajaran mengikut keperluan mereka (Nor Hawanis Abd. Rahim, 2002). Melalui kaedah ini, ia memberi ruang yang lebih selesa kepada para pelajar belajar mengikut kemampuan mereka dari satu tahap ke tahap yang berikutnya sehinggalah benar-benar faham dan menguasai kandungan pelajarannya. Selain itu, konsep MPK ialah ringkas iaitu pelajar boleh belajar sesuatu topik pelajaran dengan sendiri tanpa perlu dibimbing oleh pensyarah atau pengajar dengan sepenuhnya. Maka, pelajar dapat mengikuti pelajaran mereka di mana sahaja.

Selain itu, penggunaan MPK akan membolehkan para pelajar memilih cara pembelajaran yang paling sesuai bagi mereka. Menurut Shaharom dan Yap Kueh Chin (1992), keadaan ini akan memberikan para pelajar sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan cara masing-masing dalam menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam modul berkenaan. Ini akan menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan produktif. Antara ciri lain MPK ialah kaedah perlaksanaannya yang membolehkan pelajar belajar sendiri mengikut kemampuan masing-masing. Malah terdapat juga aktiviti pengukuhan di dalam setiap MPK yang merangsang tindak balas aktif daripada pelajar terhadap isi pelajaran.

Dalam masa yang sama, MPK bukan sahaja meringankan beban pelajar untuk menguasai sesuatu isi pelajaran, malah ia turut meringankan beban pensyarah untuk mengajar pelajar dalam jumlah yang ramai. Pada kebiasaannya MPK dibangunkan mengikut tahap atau isi pelajaran yang asas hingga kepada peringkat yang sukar. Ini bagi membolehkan pelajar menguasai setiap kemahiran peringkat demi peringkat. Selain itu, MPK juga boleh digunakan berulang kali sehingga pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran dengan baik. Selain itu, MPK juga biasanya didatangkan lengkap dengan arahan yang jelas dan ini membolehkan pelajar belajar sendiri tanpa bantuan pensyarah.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Kamaruddin (1995), penggunaan sumber pembelajaran seperti buku teks, modul, buku rujukan dan sebagainya bertujuan bagi memudahkan aktiviti pembelajaran dan mencapai tahap kefahaman yang tinggi dalam sesi pembelajaran. Selain itu, penggunaan sumber pembelajaran turut menyenangkan pelajar membentuk konsep yang betul dan menerima pelajaran dengan cepat melalui pembelajaran yang berkesan. Namun demikian, kekurangan sumber pembelajaran tersebut terutamanya modul pembelajaran dan bahan-bahan rujukan bagi kegunaan pelajar menjadi kekangan utama ke arah mewujudkan proses pembelajaran yang berkesan. Masalah ini ditambah lagi dengan penggunaan pendekatan atau strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang biasa diamalkan iaitu strategi pemusatan guru di mana pensyarah atau guru banyak memberi penerangan dan pelajar hanya duduk mendengar. Oleh itu, pelajar-pelajar akan menjadi kurang kreatif dan tidak berinisiatif serta interaksi yang pasif di antara mereka (Mok Soon Sang, 2002). Ini menjadikan pelajar hanya menunggu pengajaran pensyarah mereka dan tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk mempertingkatkan pemahaman terhadap sesuatu pelajaran.

Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji menghasilkan dan menilai satu CD Modul Pembelajaran Sistem Catatan Bergu yang khusus untuk kegunaan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi politeknik. Diharapkan, CD modul pembelajaran ini akan menambahkan lagi sumber pembelajaran para pelajar dan mengurangkan kebergantungan mereka terhadap pensyarah masing-masing. Ini kerana, terdapat hasil kajian sebelum ini yang telah membuktikan bahawa penggunaan modul dalam aktiviti pembelajaran telah berjaya meningkatkan kualiti pembelajaran di mana para pelajar pada keseluruhannya telah menunjukkan sikap yang positif terhadap kaedah ini (Sharom Noordin, 1994). Selain itu, penggunaan modul yang lebih kepada strategi pembelajaran pemusatan bahan akan dapat memupuk semangat berdikari dengan menjalankan aktiviti pembelajaran tanpa kehadiran atau pertolongan guru (Mok Soon Sang, 2002).

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Adakah CD MPK yang dihasilkan ini mempunyai sifat kebolehlaksanaan daripada segi format/antaramuka, isi kandungan, sifat mesra pengguna, animasi atau multimedia dan aktiviti pembelajarannya (latihan & ujian pengukuhan) dalam membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka terhadap Sistem Catatan Bergu untuk matapelajaran Perakaunan Awalan (P1105)?
- 2) Adakah CD Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) yang dihasilkan berupaya meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar?
- 3) Apakah kesan terhadap pencapaian pelajar sebelum dan selepas mereka menggunakan CD MPK ini?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- 1) Menghasilkan satu cakera padat (CD) Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Sistem Catatan Bergu bagi mata pelajaran Perakaunan Awalan (P1105) untuk kegunaan pelajar-pelajar kursus Diploma Akauntansi di politeknik.

- 2) Menilai kesesuaian CD MPK yang dihasilkan dari segi format / antaramuka, isi kandungan, sifat mesra pengguna, animasi atau multimedia dan aktiviti pembelajaran (latihan dan ujian pengukuhan).
- 3) Mengenalpasti kesan penggunaan CD MPK dari segi motivasi pelajar terhadap pelajaran mereka.
- 4) Mengenalpasti samada terdapat peningkatan pencapaian pelajar antara sebelum dan selepas mereka menggunakan CD MPK yang dihasilkan.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Hipotesis null (H_0) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pencapaian pelajar dalam ujian pra (*pre-test*) dengan min markah pencapaian pelajar dalam ujian pos (*post-test*).
- 2) Hipotesis alternatif (H_a) : Terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah pencapaian pelajar dalam ujian pra (*pre-test*) dengan min markah pencapaian pelajar dalam ujian pos (*post-test*).

Hipotesis ini dibina berdasarkan persoalan kajian ketiga iaitu; Apakah kesan terhadap pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan CD MPK ini? Penulisan hipotesis dalam bentuk formula matematik adalah seperti berikut:

$$H_0 : \mu_{Pra} = \mu_{Pos}$$

$$H_a : \mu_{Pra} \neq \mu_{Pos}$$

RUJUKAN

- Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan: Satu Analisis Lapangan Yang Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Sosioekonomi Dan IT.
- Azlida Hj. Ahmad (2000). "Merekabentuk Perisian Multimedia: 10 Elemen Utama "Human Interface"". *Wawasan 2000*. Bil 02. Disember 2000. 15-22.
- Baharuddin Aris, Noraffanday, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2000). "Siri Modul Pembelajaran, Teknologi Pendidikan dari yang Tradisi kepada yang Terkini. Skudai: Universiti Teknologi Komputer.
- Best J. W. dan Kahn J. V. (1993). "Research In Education 7th Edition". USA: Allyn And Bacon.
- Che Zuriana Muhammad Jamil *et al.*, (2001). "Perakaunan Perniagaan". Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- "Dua Model P&P Komputer Di Sekolah". (2001, Jan 24). *Berita Harian*. h. 20.
- Ee Ah Meng (1992). "Pedagogi Satu Pengenalan". (3ed). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1993). "Siri Pendidikan Fajar Bakti: Pedagogi Satu Pengenalan Edisi Ketiga". Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1999). "Siri Diploma Peguruan: Psikologi Pendidikan II". Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Ismail Zain (2002). "Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan: Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

"Kamus Dewan Edisi Ketiga" (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamaruddin Haji Husin (1995). "Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan: Dinamika Sekolah Dan Bilik Darjah". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.

Lim Yoke Kim dan Lena Lim (2000). "Latih Tubi Prinsip Perakaunan Tingkatan 4". Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ng Chee Peng dan Tey Li Chin (1993). "Kursus Cepat SPM Prinsip Akaun". Petaling Jaya: Persekutuan Preston Sdn. Bhd.

Norhayah Zulkifli dan Mohd Sarif Ibrahim (2002). "Perakaunan Kewangan Prinsip dan Amalan". Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.

Nurul Hayati Binti Shamsuri (2002). *Penghasilan Dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Pengenalan Kepada Perakaunan: Satu Kajian Kes Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan*. KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Nor Hawanis Binti Abdul Rahim (2002). "Penghasilan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Mata Pelajaran Teknologi Binaan Dan Bahan II Bagi Kegunaan Pensyarah Dan Pelajar Kursus Ukur Bahan Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah". KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). "Siri Pendidikan: Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mok Soon Sang (2002). "Siri Pendidikan Perguruan: Pedagogi Untuk Diploma Perguruan Semester 3". Kuala Lumpur: IBS Publication.
- Myer G.R (1988). "Modules From Design To Implementation. Filipina": College For Technician Education.
- Salkind N. J. (2000). "Exploring Research 4th Edition". New Jersey: Prentice Hall.
- Samat Buang (2002). "Kepentingan Budaya E-Pemelajaran Dalam Kehidupan". *Dewan Masyarakat* Jun 2002 40:6, 40-41.
- Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1992). "Merekabentuk Dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK)". *Jurnal Pendidikan Guru: Peranan Pendidikan Bagi Memenuhi Matlamat Wawasan 2020*. Bil 8. 16 – 44.
- Shaharom Noordin (1994). "Sikap Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul: Satu Kajian Rintis". *Jurnal Guru Ke Arah Pembinaan Budaya Ilmu*. Bil 07, 400 – 405.
- Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1993). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran". *Jurnal Guru*. 16 Mei 1993. 325-331.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan: Isu Pendidikan Di Malaysia-Sorotan Dan Cabaran". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Vierra A., Poolock J., dan Golez F., (1992). "Reading Educational Research 3rd Edition". USA: Prentice-Hall.

Wan Ab. Kadir Wan Dollah (1998). "CD-ROM Pemangkin Perubahan". *Dewan Masyarakat Januari*. 1998 36:1 46 – 47.

Webster, A.L. (1998). "Applied Statistics for Business and Economics: An Essentials Version – 3rd ed". Singapore: Mc Graw-Hill.

Yusup dan Sharifah Alwiyah Alsagof (1999). "Pendidikan Jarak Jauh Teori Dan Amalan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1990). "Strategi Pengajaran Kemahiran Hidup, Perdagangan dan Keusahawanan". Edisi Kedua. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). "Pengajaran-Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas". Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for windows". Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

